

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93**

April 1993

FEL 203 Radiofarmasi

Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi **LIMA (5)** soalan dan 12 muka surat yang bertaip.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas borang komputer yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

ANGKA GILIRAN:

1. **Soalan Pilihan Berganda.** Jawab semua soalan dengan menghitamkan pada borang komputer di ruang-ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang **BETUL ATAU PALING SESUAI** bagi sesuatu soalan. Hanya **SATU** jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

Sila hitamkan 06 untuk kod Pusat Pengajian.

- (1). Unsur-unsur yang mengandungi bilangan proton yang sama dan neutron yang berbeza dinamakan
- (A) isoton
.... (B) isomer
.... (C) isobar
.... (D) isotop
- (2) Yang mana di antara berikut tidak melibatkan perubahan isomerik?
- (A) Pancaran sinar-X
.... (B) Proses pertukaran dalam
.... (C) Pancaran elektron Auger
.... (D) Proses penangkapan elektron
- (3) Yang mana di antara alat berikut tidak mempunyai hablur sebagai komponen pengesan radioaktifnya?
- (A) Pengira Geiger-Mueller
.... (B) Pembilang telaga
.... (C) Kamera gama
.... (D) Probe sintilasi

ANGKA GILIRAN:

- (4). Kadar tindak balas fotoelektrik untuk foton bertenaga 100 keV adalah kadar tindak balas foton bertenaga 200 keV
- (A) dua kali ganda
.... (B) separuh
.... (C) lapan kali ganda
.... (D) seperlapang
- (5). Unit metrik (SI) yang menggantikan Curie ialah
- (A) Roentgen
.... (B) Seivert
.... (C) Gray
.... (D) Becquerel
- (6). Yang mana di antara kaedah berikut tidak digunakan untuk mengurangkan pendedahan terhadap sinaran radioaktif?
- (A) Pemakaian lencana
.... (B) Perisaian
.... (C) Penghadan jarak
.... (D) Penghadan masa

ANGKA GILIRAN:

- (7). Dos pendedahan tertinggi terhadap sinaran radioaktif berpunca daripada
- (A) sinaran latarbelakang
.... (B) sinaran kosmik
.... (C) sinar-X
.... (D) stesen janakuasa nuklear
- (8). Jika lapisan nilai separuh (HVL) untuk 300 KeV foton ke atas tisu lembut ialah 4 sm, berapa peratuskah tenaga dari foton ini yang dapat menembusi 16 sm tisu lembut?
- (A) 12.5%
.... (B) 18.6%
.... (C) 25%
.... (D) 37%
- (9). Sinar-X yang digunakan untuk tujuan diagnostik mempunyai paras tenaga sehingga
- (A) 15 keV
.... (B) 150 keV
.... (C) 15 MeV
.... (D) 150 MeV

...5/-

ANGKA GILIRAN:

(10). Yang mana di antara pernyataan berikut tidak benar tentang pemindahan tenaga linear (LET)?

- (A) LET ialah kadar pemindahan dari sinaran mengion ke tisu lembut
- (B) Nilai LET bergantung kepada tenaga asal elektron
- (C) Lebih tinggi halaju elektron, lebih tinggi nilai LET
- (D) Lebih tinggi nilai LET, lebih banyak kerosakan yang berlaku terhadap tisu

(11). Yang mana di antara pernyataan berikut tidak benar? Foton sinar-X dan sinar- γ

- (A) mempunyai paras tenaga yang sama
- (B) berasal dari sumber yang sama
- (C) bergerak dengan kelajuan cahaya
- (D) menghasilkan pengujian elektronik

(12). Amaun tenaga yang diberikan kepada jirim oleh sinaran mengion per unit jirim bahan yang disinari pada tempat tertentu dikenali sebagai

- (A) dos mutlak
- (B) dos terserap
- (C) dos pendedahan
- (D) dos setara

ANGKA GILIRAN:

- (13). Paras dos sinaran radioaktif yang boleh menyebabkan maut jika seluruh tubuh disinari secara seragam ialah
- (A) 0.2 Sv
.... (B) 2.0 Sv
.... (C) 0.2 mSv
.... (D) 2.0 mSv
- (14). Radionuklid di dalam sediaan radiofarmaseutikal mestilah menghasilkan sinaran γ yang mempunyai tenaga di antara
- (A) 50 - 100 keV
.... (B) 10 - 200 keV
.... (C) 30 - 300 keV
.... (D) 100 - 300 keV
- (15). Apabila sesuatu imej diperlukan dengan cepat
- (A) sediaan radiofarmaseutikal yang mempunyai separuh hayat fizikal yang panjang digunakan
.... (B) sediaan radiofarmaseutikal yang mempunyai separuh hayat fizikal yang pendek digunakan
.... (C) sediaan radiofarmaseutikal yang mempunyai separuh hayat efektif yang panjang digunakan
.... (D) sediaan radiofarmaseutikal yang mempunyai separuh hayat efektif yang pendek digunakan

ANGKA GILIRAN:

- (16). Pernyataan-pernyataan berikut adalah benar kecuali
- (A) ^{81m}Kr mempunyai separuh hayat efektif yang singkat dan digunakan di dalam kajian paru-paru
 - (B) Partikel β boleh menyebabkan kerosakan tisu yang lebih teruk daripada sinaran γ
 - (C) Nisbah aktiviti sasaran melawan aktiviti bukan sasaran perlulah rendah untuk menghasilkan resolusi imej yang baik
 - (D) Pada amnya, sediaan radiofarmaseutikal tidak patut menjalani metabolisme di dalam badan sebelum ia sampai ke organ sasaran
- (17). Hati berfungsi untuk mengeluarkan bahan bersifat koloid yang mempunyai julat saiz partikel
- (A) $0.01 - 0.1 \mu\text{m}$
 - (B) $0.1 - 2.0 \mu\text{m}$
 - (C) $0.01 - 2.0 \mu\text{m}$
 - (D) $0.1 - 10.0 \mu\text{m}$
- (18). Ciri-ciri sediaan nuklid anak di bawah adalah benar kecuali
- (A) mempunyai sifat-sifat kimia yang berlainan daripada nuklid induk
 - (B) bebas daripada sebarang pencemaran
 - (C) stabil secara kimia
 - (D) mempunyai pH yang rendah

ANGKA GILIRAN:

- (19). Di antara yang berikut, pilih pasangan yang salah
- (A) Benzil alkohol 0.9% - perencat radiolisik
 - (B) Asid gentisik - penstabil radiofarmaseutikal
 - (C) ^{99m}Tc (radionuklid induk) - ^{99}Mo (radionuklid anak)
 - (D) Gelatin - penstabil sediaan koloid radiofarmaseutikal
- (20). Sumber pencemaran radionuklid
- (i) terhasil semasa proses sintesis radionuklid.
 - (ii) terhasil apabila bahan pencemar sendiri mengurai.
 - (iii) terhasil daripada kehadiran saki-baki radionuklid induk di dalam sediaan radiofarmaseutikal.
- (A) Jika (i) dan (ii) adalah benar
 - (B) Jika (i) dan (iii) adalah benar
 - (C) Jika (ii) dan (iii) adalah benar
 - (D) Jika (i), (ii) dan (iii) adalah benar
- (21). Pencemaran bahan radiokimia boleh disebabkan oleh
- (i) perubahan suhu sediaan radiofarmaseutikal.
 - (ii) agen buffer yang menyebabkan pH neutral.
 - (iii) sinaran radionuklid terhadap sebatian terlabel.
- (A) Jika (i) dan (ii) adalah benar
 - (B) Jika (i) dan (iii) adalah benar
 - (C) Jika (ii) dan (iii) adalah benar
 - (D) Jika (i), (ii) dan (iii) adalah benar

ANGKA GILIRAN:

(22). Pilih pernyataan yang benar

- (A) Ujian Limulus Amebocyte Lysate digunakan untuk ujian kesterilan
- (B) Untuk mengurangkan penguraian, sediaan radiofarmaseutikal perlu disimpan di tempat sejuk dan gelap
- (C) Radiofarmaseutikal yang unggul perlulah mempunyai separuh hayat yang pendek
- (D) Partikel sediaan radiofarmaseutikal yang lebih besar daripada $5 \mu\text{m}$ akan dikeluarkan daripada darah oleh hati

(23). Ciri-ciri sediaan piawai antigen termasuk

- (A) perlu stabil dalam jangka waktu yang panjang
- (B) boleh diperolehi di dalam kuantiti yang banyak.
- (C) perlu mempunyai separuh hayat efektif yang bersesuaian
- (D) hampir serupa secara kimia dengan antigen yang ingin diasai

ANGKA GILIRAN:

(24). Penggunaan radioisotop di dalam perubatan termasuk

- (i) menentukan pengaliran darah di antara dua bahagian organ.
 - (ii) menentukan kepekatan unsur-unsur tertentu di dalam sampel tisu.
 - (iii) analisis kepekatan hormon di dalam tubuh.
- (A) Jika (i) dan (ii) adalah benar
- (B) Jika (i) dan (iii) adalah benar
- (C) Jika (ii) dan (iii) adalah benar
- (D) Jika (i), (ii) dan (iii) adalah benar

(25). Yang mana di antara pernyataan berikut adalah tidak benar?

- (A) Di dalam RIA jumlah antibodi dan antigen terlabel diketahui.
- (B) Ikatan antigen terlabel dan antigen tak terlabel pada antibodi diandaikan mengikut nisbah 1:1
- (C) Kebanyakan ujian RIA digunakan di dalam terapi sebagai sumber sinaran
- (D) Pengeraman campuran tindak balas traser, antigen dan antibodi dijalankan sehingga tercapai keseimbangan

(25 markah)

...11/-

2. (A) Bandingkan dan bezakan di antara pasangan-pasangan berikut:

- (i) Pecahan sisa keradioaktifan dan lapisan nilai separuh.
- (ii) Salingtindak negatron dan salingtindak positron.
- (iii) Keseimbangan transien dan keseimbangan sekular.

(15 markah)

(B) Germanium - 68 (Ge - 68) mempunyai nilai separuh hayat 280 hari dan mereput membentuk Galium-68 (Ga - 68) yang berseparuh hayat 68 minit. Aktiviti sampel tulen ditentukur sebagai 450 mCi pada tengah hari Selasa. Kira aktiviti Ga - 68 pada 12.00 tengah malam Selasa yang sama dan 5.00 petang Rabu hari esoknya.

(6 markah)

(C) Bincangkan tentang kaedah pengukuran aktiviti sinaran partikel β .

(4 markah)

3. (A) Bincangkan langkah-langkah di dalam operasi unit radiofarmasi dari pemesanan bahan sehingga pembuangan sisa.

150 mCi ^{131}I diperlukan untuk merawat seorang pesakit. Berapakah amaun ^{131}I yang perlu dipesan jika tempoh mengangkut bahan ialah 3 hari dan tempoh penyimpanan pra-dispens 5 hari?

(Diberi $t_{1/2} = 8 \text{ hari}$)

(15 markah)

...12/-

(B) Sinaran dalam merupakan salah satu daripada sumber sinaran bahaya. Bagaimanakah seseorang boleh terdedah kepada sinaran dalam?

(6 markah)

(C) Terangkan dengan ringkas tentang:

- penganalisa berbagai saluran (MCA).

(4 markah)

4. (A) Bincangkan bagaimana radioimunoasai dapat membantu di dalam diagnosis perubatan yang tepat.

(10 markah)

(B) Bincangkan ujian kawalan mutu yang perlu dijalankan untuk sediaan radiofarmaseutikal dalam bentuk suntikan.

(15 markah)

5. (A) Bincangkan tentang penjana radionuklid dan penggunaannya di dalam perubatan.

(10 markah)

(B) Bincangkan ciri-ciri radiofarmaseutikal yang unggul.

(15 markah)